

RAWATAN

Rawatan disediakan oleh para pakar dalam persekitaran hospital. Rawatan termasuklah sokongan fungsi tubuh yang mengekalkan hayat bersama antibiotik bagi mengawal jangkitan daripada merebak.

- Antibiotik diberikan untuk mengawal jangkitan.
- Lazimnya, individu yang mengalami sepsis atau kejutan septik akan menerima terapi cecair IV dan oksigen.
- Ubat diberi berdasarkan gejala individu yang berkenaan, misalnya: ubat untuk mengawal tekanan darah, insulin untuk glukosa darah tinggi, kortikosteroid untuk mengurangkan keradangan, dan ubat untuk mengawal kesakitan.
- Pembedahan diputuskan mengikut keperluan kes individu bagi mengawal jangkitan atau komplikasi.
- Terapi disyorkan untuk penjagaan sokongan bagi mengekalkan dan memulihkan fungsi.
- Jika sistem pernafasan terjejas, ventilasi mekanikal mungkin diperlukan.
- Jika wujud kegagalan buah pinggang, dialisis mungkin diperlukan.

PEMULIHAN

Kesembuhan daripada sepsis boleh berlaku. Ramai individu sembuh tanpa apa-apa sisa disfungsi yang tinggal. Setengah pemandiri sepsis akan memerlukan tempoh pemulihan yang lebih panjang berdasarkan kerosakan organ atau tisu yang dialami akibat peristiwa septik yang berkaitan. Jika terdapat trauma yang teruk kepada hujung anggota badan, amputasi mungkin dilakukan. Setengah pesakit mungkin mengalami sindrom tekanan pascatrauma, sejenis masalah kesihatan mental yang diakibatkan oleh trauma peristiwa sepsis.

MAKLUMAT SAYA

Nama:

SEJARAH PERUBATAN

Tekanan Darah Garis Dasar:

Suhu Badan Garis Dasar:

Lokasi Kecederaan daripada sudut Neurologi:

Penyedia Khidmat Kesihatan Utama:

Nombor Telefon:

Alahan:

HUBUNGAN KECEMASAN

Sekiranya Membuat Panggilan Kecemasan:

Perhubungan:

Nombor Telefon:

Penerbitan ini disokong oleh Administration for Community Living (Pentadbiran untuk Kehidupan Komuniti, ACL), Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Insan A.S. (U.S. Department of Health and Human Services, HHS) sebagai sebahagian daripada award bantuan kewangan berjumlah \$8,700,000 dengan 100 peratus pembiayaan oleh ACL/HHS. Kandungan ini adalah berdasarkan pendapat dan pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan rasmi, mahupun pengendorsan, oleh ACL/HHS, atau Kerajaan A.S.

SEPSIS



APAKAH SEPSIS

Sepsis ialah masalah yang mengancam nyawa yang berlaku apabila tubuh bertindak balas melawan jangkitan dengan mencederakan tisu dan organ sendiri. Sepsis mengakibatkan kejutan, kegagalan berbilang organ dan kematian—khususnya jika tidak dikenal pasti awal dan dirawat dengan segera. Jika individu mengalami paralisis (lumpuh)/kecederaan saraf tunjang, jangkitan mungkin bermula sebagai jangkitan salur (pundi) kencing, pneumonia, atau sebagai luka, kecederaan akibat tekanan atau jangkitan lain. Jika jangkitan tidak dikawal di tempat jangkitan tersebut terjadi, masalah ini boleh merebak ke seluruh badan. Dengan itu, sepsis akan didiagnosis. Kejutan septik ialah sepsis yang teruk dengan tekanan darah jatuh dan mengakibatkan kegagalan organ. Sepsis dan juga kejutan septik ialah keadaan yang mengancam nyawa. Ada kalanya sepsis dipanggil keracunan darah atau sindrom tindak balas keradangan sistemik (SIRS).

Sepsis boleh berlaku disebabkan oleh jangkitan yang merebak dalam badan, selepas pembedahan atau prosedur invasif, atau daripada luka atau calar yang ringan.

Sepsis ialah kecemasan perubatan dan mesti dirawat dengan serta-merta.

Sesiapa yang mengalami jangkitan mestilah tahu tentang risiko pembentukan sepsis.

Rawatan paling berjaya jika diberi dalam tempoh satu jam dari permulaan.

Kepada Penyedia Khidmat Kesihatan atau Pemberi Pertolongan Cemas

Hasil sepsis atau kejutan septik yang positif berhubung kait dengan diagnosis dan rawatan awal. Sesetengah individu didiagnosis sebagai mengalami sepsis ringan. Individu-individu ini boleh sembuh sepenuhnya tanpa apa-apa kekurangan yang masih tinggal. Walau bagaimanapun, sepsis dan kejutan septik boleh mengakibatkan komplikasi yang sangat teruk. Komplikasi daripada sepsis dan kejutan septik boleh membinasakan. Kerosakan kepada mana-mana organ badan boleh berlaku apabila aliran darah menjadi terencat. Darah beku boleh terbentuk yang menyebabkan kurang darah mengalir ke organ-organ badan atau ke hujung anggota badan yang mengakibatkan kematian tisu. Kerosakan organ boleh mengakibatkan kegagalan otak, jantung, buah pinggang, hati atau mana-mana fungsi badan. Kerosakan kepada hujung anggota badan boleh mengakibatkan gangren dan oleh itu, memerlukan amputasi.

GEJALA AM SEPSIS

Sesetengah atau kesemua gejala yang berikut mungkin hadir:

- Adanya jangkitan atau kemungkinan jangkitan
- Suhu badan yang tinggi, lebih daripada 38.30C atau 101.30F
- Kadar degupan jantung cepat, lebih daripada 90 denyutan seminit
- Kadar pernafasan yang cepat, lebih daripada 20 nafas seminit

Gejala lain yang mungkin hadir:

- Kekeliruan atau koma
- Edema khususnya pada hujung anggota badan, leher, muka
- Gula darah yang tinggi tanpa diabetes
- Suhu badan lebih rendah daripada 36C atau 97F

Diagnosis boleh juga termasuk komponen daripada pemboleh ubah di bawah ini:

- Keradangan pada tempat jangkitan permulaan atau pada mana-mana bahagian dalam badan
- Ketidakupayaan untuk mengekalkan tekanan darah dalaman bagi memastikan darah yang membawa oksigen yang secukupnya sampai ke semua organ penting
- Disfungsi organ, kegagalan mana-mana organ dalaman
- Perfusion tisu, kekurangan oksigen ke mana-mana bahagian badan, yang paling biasa dilihat pada jari-jemari/lengan, jari-jemari kaki/kaki

Sepsis didiagnosis apabila terdapat jangkitan di sesuatu tempat dalam badan DAN salah satu daripada yang berikut:

- Disfungsi organ (kegagalan organ)
- Hipoksemia (ketidakupayaan mengedarkan oksigen kepada tisu anda)
- Oliguria (pengeluaran air kencing yang berkurangan)
- Asidosis laktik (pengurangan mendadak oksigen darah)
- Enzim hati yang tinggi (disfungsi hati)
- Fungsi serebrum yang berubah (kekeliruan/koma)

PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN

Pencegahan ialah tindakan yang terbaik untuk mengelakkan daripada pembentukan sepsis.

Individu hendaklah merujuk kepada penyedia khidmat kesihatan mereka sekiranya terdapat apa-apa jangkitan yang tidak bertambah pulih atau mempunyai gejala yang semakin bertambah, seperti kemerahan, bengkak, ketidakselesaan, sakit, rasa panas di tempat yang terjejas atau demam/seram sejuk. Jika anda mengalami jangkitan dan mengalami peningkatan gejala jangkitan atau reaksi badan, hubungi atau berjumpa penyedia khidmat kesihatan anda dengan serta-merta.

UJIAN

Ujian makmal yang biasa untuk jangkitan ialah:

- Ujian air kencing untuk bakteria
- Kultur luka untuk bakteria
- Rembesan hidung atau mulut untuk bakteria
- Ujian darah untuk bakteria, faktor pembekuan darah, fungsi jantung, hati dan buah pinggang, pengoksigenan atau elektrolit

KAJIAN PENGIMEJAN

Imbasan badan mungkin dilakukan untuk menilai fungsi organ dalaman. Imbasan ini boleh termasuk:

- Sinar-X
- Imbasan CT (Tomografi berkomputer)
- Ultrabunyi
- MRI (Pengimejan resonans magnetik)



636 Morris Turnpike, Suite 3A
Short Hills, NJ 07078
Telefon: 800-539-7309
www.ChristopherReeve.org



International Center for Spinal Cord Injury
at Kennedy Krieger Institute
Research. Restoration. Recovery.

www.spinalcordrecovery.org

Semakan editorial oleh

Linda M. Schultz, PhD, CRRN
School of Health Professions